

# Program Ikon Usahawan di USIM

PELAKSANAAN Program Ikon Usahawan adalah satu usaha dalam memberikan pendedahan kepada mahasiswa mengenai peluang dan ruang kerjaya dalam bidang keusahawanan di Malaysia.

Selaras dengan itu, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Dewan Amal Islam Hadhari (Damai) menganjurkan Program Ikon Usahawan yang julung kalinya diadakan di universiti itu di Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

ia dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Damai, Amran Zakaria. Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor HEP & Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah.

Menurut Amran, Program Ikon Usahawan ini

## Peristiwa

bukan merupakan kali pertama dianjurkan kerana ia bermula dua tahun yang lepas.

Katanya, ia bertujuan melatih graduan menjadi usahawan terutamanya graduan Islam.

"Graduan Islam mesti mendapat nilai tambah untuk bersaing dalam dunia pekerjaan masa kini. Dalam program ini graduan akan dilatih untuk memelopori sektor korporat, keusahawanan dan hospitaliti," katanya.

Antara objektif program ini adalah

memperluaskan jaringan perhubungan kepada mahasiswa mengenai peluang kerjaya yang terdapat di Malaysia secara langsung.

Ia juga diharap melahirkan usahawan-usahawan daripada mahasiswa yang profesional demi mengharungi arus globalisasi semasa.

Selain itu, kata Amran, program ini menjalin kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan untuk memastikan kejayaan mahasiswa dalam bidang profesional.

Sempena program, turut diadakan taklimat dan dialog khas ruang dan peluang kerjaya oleh Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC) dan Amanah Raya Berhad.



DR. MOHAMED Asin Dollah (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Amran Zakaria di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.



SEBAHAGIAN pelajar yang menyertai seminar Ikon Usahawan di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.